

KUTIPAN sampah secara berjadual oleh syarikat Alam Flora dapat memelihara kebersihan di PPR Seri Anggerik, Kuala Lumpur.
- UTUSAN/MUHAMMAD IQBAL



info

PROJEK PERUMAHAN RAKYAT

- > **Nama:** PPR Seri Anggerik, Jalan Klang Lama
- > **Mula diduduki:** Tahun 2003
- > **Jumlah blok:** Satu blok
- > **Jumlah penghuni:** 3,000 orang
- > **Kemudahan:** Dewan, tadika, futsal, taman permainan kanak-kanak, medan selera, sistem kamera litar tertutup (CCTV) dan surau
- > **Impian penghuni yang belum tercapai:** Klinik 1Malaysia, Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) dan kelas Program Permata Negara (Permata)

TONG kitar semula turut di sediakan bagi memudahkan penduduk menyumbangkan barangan terpakai.



Mampu rancakkan kegiatan ekonomi penduduk

Premis IKS bakal dibuka di PPR Seri Anggerik

Oleh ZULFADLI SHARIFUDIN
kota@utusangroup.com.my

■ KUALA LUMPUR 2 SEPT.

PERSATUAN Penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Anggerik, Jalan Klang Lama yakin cadangan membangunkan premis perniagaan bagi industri kecil dan sederhana (IKS) di kawasan itu dapat meningkatkan ekonomi penduduk.

Pengerusinya, Mohd. Noor Abu berkata, cadangan itu yang dikemukakan oleh bekas Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Seri Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin baru-baru ini merupakan langkah yang baik khususnya dalam membantu golongan bumiputera.

Jelasnya, pembangunan kawasan itu dijangka melibatkan pembinaan premis bagi bengkel kenderaan, medan selera dan lain-lain yang bakal menjadikan kawasan itu hab IKS Lembah Pantai.

"Pihak persatuan tidak mempunyai sebarang masalah kerana usaha itu mampu merancakkan ekonomi demi kebaikan golongan berpendapatan rendah," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

KHABAR DARI PPR



Dalam pada itu, Mohd. Noor juga berharap pihak yang kurang senang dengan pembangunan di PPR Seri Anggerik itu supaya berfikir positif kerana ia bakal membawa banyak kebaikan.

"Tapak bagi premis IKS yang dicadangkan itu terletak berhadapan PPR ini dan ada pihak membantahnya kerana tidak mahu pembangunan diadakan di sini.

"Bagaimanapun, kita berharap supaya pihak terbabit memikirkan masa depan penghuni dan ekonomi bumiputera yang mampu dipertingkatkan melalui pembangunan itu," katanya.

Mengulas isu lain di PPR itu, katanya, kolam takungan banjir masih gagal diselenggara dan dipercayai menjadi punca peningkatan kes demam denggi di di kawasan itu sejak kebelakangan ini.

"Masalah itu masih berlarutan walaupun beberapa kali disiarkan dalam akhbar *Utusan Malaysia*. Penduduk sering mengadu tidak tahan dengan bau yang kurang menyenangkan," katanya.

Ujarnya, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) hanya melaksanakan kerja-kerja menebas semak-samun, namun tiada kerja pembersihan dilakukan di kolam takungan itu.



SEBUAH kawasan yang dicadangkan bagi pembinaan premis IKS berdekatan PPR Seri Anggerik, Kuala Lumpur.

MOHD. NOOR ABU menunjukkan sampah yang dibuang sesuka hati oleh segelintir penduduk.

KEADAAN kolam takungan banjir yang tidak diselenggara sehingga menyebabkan bau kurang menyenangkan.

